

**NO. SOALAN: 96**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]**

**TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)**

**RUJUKAN : 9959**

**SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan jumlah anak pekerja asing yang lahir di  
Malaysia dan tidak punya kewarganegaraan. Apakah dasar Imigresen  
terhadap keturunan pekerja asing ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Pekerja asing yang memegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) tidak dibenarkan berkahwin atau membawa anak-anak dan keluarga sepanjang tempoh pengajian di negara ini. Kebenaran bagi kemasukan anak-anak dan keluarga mereka ke Malaysia hanyalah atas tujuan lawatan sosial dan dalam tempoh terhad.**

**Semua kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia termasuk warga asing mesti didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, butiran berhubung status kewarganegaraan individu semasa pendaftaran kelahiran akan direkodkan mengikut status kewarganegaraan ibu bapa, yang mana anak warga asing dikategorikan sebagai bukan warganegara Malaysia. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa ibu bapa kanak-kanak tersebut juga perlu melaporkan kelahiran ke kedutaan negara asal bagi mendapatkan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan yang sah.**

**Adalah dimaklumkan bahawa JPN tidak menyimpan maklumat pekerjaan individu untuk semua urusan pendaftaran sivil.**